



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 30 JUN 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	PAKEJ PEMULIHAN BUKTI KERAJAAN KOMITED KEPADA INDUSTRI PERTANIAN MAKANAN, UM, DALAM NEGERI -ONLINE MAFI TO PLAY FACILITATIVE ROLE TO ENSURE SUCCESSFUL IMPLEMENTATION OF PEMULIH, KL SCREENER -ONLINE MAFI TO PLAY FACILITATIVE ROLE TO ENSURE SUCCESSFUL IMPLEMENTATION OF PEMULIH, ASTRO AWANI -ONLINE PENJANA: RM198.67 JUTA DILULUSKAN DI BAWAH SKIM PEMBIAYAAN MIKROKREDIT - RONALD, BERNAMA -ONLINE SEKTOR PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN INDUSTRI MAKANAN AKAN TERUS DIBENAR BEROPERASI, BERNAMA -ONLINE MAFI KOMITED BANTU PEKEBUN NANAS DALAM TEMPOH PKP, NEGARA, KOSMO -6 PEMULIH KOMITED MAJUKAN PERTANIAN, DALAM NEGERI, UM -6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
8. 9.	PGA RAMPAS 20 LEMBU KORBAN BAKA BRAHMAN BERNILAI RM252,000, NEGARA, KOSMO -12 GAGAL SELUDUP 20 LEMBU BAKA BRAHMAN, LOKAL, HM -16	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
10.	TWO FOREIGN FISHING BOATS, 13 VIETNAMESE DETAINED OFF MIRI, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -9	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
11.	MALAYSIA PINEAPPLE INDUSTRIAL BOARD ISSUES 1000 APPROVAL LETTERS, NEWS, CHINA PRESS (JOHOR) -C2	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
12.	SEMBUR RACUN HAPUS SERANGGA ROSAK PADI, NEWS, SELANGOR KINI -8	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)
13. 14.	DURIAN DIHANTAR KE TERENGGANU, NEGERI PERAK/JOHOR, SH -26 JABATAN LAUT SETUJU WUJUD ZON NELAYAN, KAPAL, DALAM NEGERI, UM -10	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/6/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	

## Pakej Pemulih bukti kerajaan komited kepada industri pertanian, makanan



RONALD KIANDEE

PETALING JAYA: Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee menyifatkan Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (Pemulih) bukti kerajaan terus komited dalam mengutamakan kesejahteraan dan kebajikan rakyat serta memulihkan semula ekonomi negara selaras dengan Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Beliau berkata, ia boleh dilihat menerusi program pembiayaan mikro Kredit yang diteruskan di bawah pakej itu dengan tambahan dana berjumlah RM500 juta di bawah Skim Pembiayaan Mikro Kredit Agrobank.

“Ini menjadikan jumlah keseluruhan skim ini adalah sebanyak RM850 juta termasuk peruntukan sebanyak RM350 juta sebelum ini di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) yang disediakan sebagai bantuan kewangan kepada usahawan mikro terutama pengusaha agromakanan di bawah kategori B40 yang terlibat dengan aktiviti pertanian dan pengeluaran makanan.

“Skim ini boleh digunakan untuk mendapatkan semula modal pusingan memulakan kembali perniagaan yang terjejas serta sebagai modal permulaan kepada usahawan baru yang ingin menceburi bidang agromakanan,” katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Ronald berkata, pakej itu turut mendukung inisiatif memperkasa usahawan tani khususnya di luar bandar untuk menggunakan teknologi terkini di bawah Program Digitalisasi dan Transformasi Sektor Pertanian.

“Program ini yang akan dilaksanakan melalui kerjasama MDEC dan Pertubuhan Peladang Kawasan, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) yang akan mengenal pasti petani yang berpotensi untuk beralih ke platform teknologi baharu.

“Ini selaras dengan usaha kementerian yang memberikan penekanan yang lebih bagi penggunaan teknologi mekanisasi dan automasi, pembangunan model pertanian moden, pertanian tepat, agro robotik, aplikasi berasaskan Internet of Things (IoT) dan sebagainya sejajar dengan Revolusi Industri 4.0,” katanya.

Tambah beliau, kempen Shop Malaysia Online dan Go-eCommerce Onboarding dengan sasaran lebih 300,000 peniaga mikro termasuk peniaga pasar tani untuk beralih ke perniagaan dalam talian dan menggunakan sistem e-tunai juga diteruskan.

Katanya, inisiatif itu akan terus mengalakkan penyertaan pengusaha agromakanan ke platform dalam talian yang efektif bagi menembusi pasaran yang lebih luas sepertimana yang sedang dilaksanakan kempen sejak awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Ini termasuk usaha pemadanan pengeluaran dan pengusaha hasil pertanian di bawah Jabatan dan Agensi seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) dan syarikat-syarikat e-dagang.

“Kementerian sedang bekerjasama dengan beberapa platform e-dagang bagi membolehkan petani memasarkan hasil pertanian secara pukal sekaligus meningkatkan jualan dan pendapatan mereka,” katanya.

Ronald berkata, kementerian akan terus memainkan peranan penting sebagai pemudahcara dalam menjayakan setiap pakej ekonomi yang diumumkan bagi memastikan sektor agromakanan dapat pulih dengan segera di setiap peringkat rantai makanan supaya rakyat terus mendapat bekalan makanan yang mencukupi.

“Bantuan-bantuan bersasar di bawah pakej Pemulihan akan terus membantu rakyat sepanjang tempoh pemulihan ekonomi dalam semua bidang termasuk sektor agromakanan dan secara langsung dapat membantu golongan terkecas terutamanya mereka yang mengusahakan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan golongan yang berada dalam kategori B40 untuk kembali pulih dan meneruskan kelangsungan perusahaan masing-masing dengan terus menyumbang kepada industri agromakanan negara,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan sumbangan MAFI Prihatin menerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Kompleks Sukan Pagoh, Muar Johor.

Di bawah MAFI Prihatin, sebanyak 1,000 kotak makanan (foodbox) diedarkan kepada penduduk kawasan setempat yang terjejas disebabkan pandemik Covid-19 serta kepada petugas barisan hadapan termasuk yang bertugas di PPV Kompleks Sukan Pagoh.

Antara barangan sumbangan di dalam kotak makanan yang disampaikan adalah barangan keperluan seperti beras, gula, tepung serta produk-produk makanan berasaskan nanas.

Turut disampaikan adalah buah nanas serta produk-produk nanas sebagai kempen promosi makan nanas bertujuan untuk mendidik rakyat Malaysia supaya mengamalkan pemakanan buah-buahan berkhasiat seperti nanas serta membantu pekebun-pekebun dan usahawan pemasar LPNM untuk meningkatkan lagi jualan hasil buah nanas mereka dengan meningkatkan permintaan di pasaran.

Dalam pada itu, Ronald juga mengumumkan pelaksanaan pelbagai projek pembangunan pertanian termasuk Projek Pertanian Organik dan Program Kebun Komuniti (Kebuniti) di bawah Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) yang berjumlah RM1 juta manakala pelaksanaan Projek Pertanian Organik di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) yang berjumlah RM500,000 bagi memanfaatkan penduduk setempat di Kawasan Pagoh.

“Projek Pertanian Organik dan Kebuniti adalah antara inisiatif di bawah Bajet 2021 bagi mewujudkan aktiviti pertanian untuk meningkatkan pengeluaran bahan makanan yang mencukupi, berkualiti dan selamat dimakan, mewujudkan peluang pekerjaan, mengurangkan kos sara hidup serta memberi pulangan lumayan melalui aktiviti pertanian bernilai tinggi dalam skala besar,” katanya. – UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/6/2021	KL SCREENER	ONLINE	

## **MAFI to play facilitative role to ensure successful implementation of PEMULIH**

MUAR (June 29): The Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) will continue to play a facilitative role in ensuring the successful implementation of all initiatives under the National People’s Well-Being and Economic Recovery Package.

Its Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the targeted assistance provided under PEMULIH, which was announced by Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin yesterday, would continue to help the people, including those involved in the agro-food sector to cope with the impact of Covid-19.

“The initiatives can also help those who are directly affected by the pandemic, especially small and medium enterprises (SMEs) and the B40 group to recover and keep their business viable by continuing to contribute to the country’s agro-food industry.

“In fact, the Agrobank Microcredit Financing Scheme can be utilised to assist those affected restart their business and provide business capital to those who want to venture into the agro-food sector,” he said in a statement here today.

Ronald said the initiative to empower agro-entrepreneurs, especially in rural areas, to use the latest technology under the Agriculture Sector Digitalisation and Transformation programme was also in line the adoption of the fourth industrial revolution (IR 4.0) technology in the agricultural sector.

He said that the Shop Malaysia Online and Go-eCommerce Onboarding campaigns would be continued, targeting more than 300,000 micro traders, including agro-food entrepreneurs to shift to online business and use e-cash system to penetrate wider markets.

Yesterday, the government announced PEMULIH worth RM150 billion which includes government’s direct fiscal injection of RM10 billion, aimed at providing comprehensive assistance to the people, apart from continuing the microcredit financing programme with an additional fund of up to RM1.1 billion to continue supporting micro businesses.

Meanwhile, Ronald said MAFI would implement various agricultural development projects, including the Organic Agriculture Project and Community Garden Program (Kebuniti) worth RM1 million and the Organic Agriculture Project worth RM500,000, which will benefit the people in the Pagoh area.

Earlier, he handed over 1,000 boxes of food under the MAFI Prihatin programme through the Malaysian Pineapple Industry Board (LPNM) to residents affected by the Covid-19 pandemic, as well as frontliners at the Pagoh Sports Complex vaccination centre, here.

“The MAFI Prihatin programme is an initiative launched since January this year to help those affected by the pandemic that hit the country,” he said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/6/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

## MAFI to play facilitative role to ensure successful implementation of PEMULIH



*The Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) will continue to play a facilitative role in ensuring the successful implementation of all initiatives under PEMULIH, said its minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee. - Astro AWANI / Shahir Omar*

**MUAR:** The Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) will continue to play a facilitative role in ensuring the successful implementation of all initiatives under the National People's Well-Being and Economic Recovery

Package.

Its Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the targeted assistance provided under PEMULIH, which was announced by Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin yesterday, would continue to help the people, including those involved in the agro-food sector to cope with the impact of COVID-19.

"The initiatives can also help those who are directly affected by the pandemic, especially small and medium enterprises (SMEs) and the B40 group to recover and keep their business viable by continuing to contribute to the country's agro-food industry.

"In fact, the Agrobank Microcredit Financing Scheme can be utilised to assist those affected restart their business and provide business capital to those who want to venture into the agro-food sector," he said in a statement here today.

Ronald said the initiative to empower agro-entrepreneurs, especially in rural areas, to use the latest technology under the Agriculture Sector Digitalisation and Transformation programme was also in line the adoption of the fourth industrial revolution (IR 4.0) technology in the agricultural sector.

He said that the Shop Malaysia Online and Go-eCommerce Onboarding campaigns would be continued, targeting more than 300,000 micro traders, including agro-food entrepreneurs to shift to online business and use e-cash system to penetrate wider markets.

Yesterday, the government announced PEMULIH worth RM150 billion which includes government's direct fiscal injection of RM10 billion, aimed at providing comprehensive assistance to the people, apart from continuing the microcredit financing programme with an additional fund of up to RM1.1 billion to continue supporting micro businesses.

Meanwhile, Ronald said MAFI would implement various agricultural development projects including the Organic Agriculture Project and Community Garden Program (Kebuniti) worth RM1 million and the Organic Agriculture Project worth RM500,000 which will benefit the people in the Pagoh area.

Earlier, he handed over 1,000 boxes of food under the MAFI Prihatin programme through the Malaysian Pineapple Industry Board (LPNM) to residents affected by the COVID-19 pandemic as well as frontliners at the Pagoh Sports Complex vaccination centre, here.

"The MAFI Prihatin programme is an initiative launched since January this year to help those affected by the pandemic that hit the country," he said.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/6/2021	BERNAMA	DALAM NEGERI	

## Penjana: RM198.67 juta diluluskan di bawah Skim Pembiayaan Mikro kredit - Ronald



Menteri Pertanian dan Industri Makanan merangkap Ahli Parlimen Beluran Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (kiri) menyampaikan bantuan bakul makanan kepada seorang penduduk, Fatimah Moghinsos sewaktu menghadiri majlis penyampaian bantuan bakul makanan kepada penduduk Kampung Maida, Sugut hari ini.

BELURAN, 26 Jun – Sebanyak RM198.67 juta pembiayaan telah diluluskan di bawah Skim Pembiayaan Mikro kredit Agrobank melalui peruntukan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) sehingga 16 Jun lepas bagi membantu pengusaha pertanian yang terkesan akibat penularan COVID-19.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata 15,612 pengusaha perusahaan kecil sederhana dan pertanian telah menerima pembiayaan daripada keseluruhan RM350 juta yang diperuntuk di bawah skim mikro kredit itu.

"Kerajaan sentiasa memberi penekanan khusus terhadap sekuriti makanan bagi memastikan jaminan dan kelangsungan bekalan makanan negara.

"Kerajaan berada di landasan yang betul untuk beralih keluar dari kemelut pandemik COVID-19 kepada norma kehidupan seharian sepertimana yang digariskan dalam Pelan Pemulihan Negara namun kejayaan pelan ini memerlukan kerjasama dan sokongan rakyat secara keseluruhannya," katanya.

Ahli Parlimen Beluran itu berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penyerahan sumbangan bakul makanan untuk 200 Ketua Isi Rumah di Kampung Maidan, Sugut dekat sini hari ini.

Beliau berkata sumbangan itu adalah sebahagian daripada 16,000 bakul makanan yang diagihkan oleh Pejabat Parlimen Beluran di kawasan terbabit sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan 3.0.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/6/2021	BERNAMA	ONLINE	

## Sektor pertanian, penternakan dan industri makanan akan terus dibenar beroperasi



KUALA LUMPUR, 24 Jun -- Sektor pertanian, penternakan, perikanan serta industri makanan akan terus dibenarkan beroperasi selaras prosedur operasi standard Majlis Keselamatan Negara dalam Fasa Dua, Tiga dan Empat Pelan Pemulihan Negara

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata pihaknya akan memastikan sektor-sektor ini untuk terus beroperasi tanpa sebarang gangguan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan bagi menjamin kelangsungan rantaian ekonomi serta pengusaha yang terlibat.

Dalam kenyataan hari ini, beliau berkata sehingga semalam, pihaknya telah mengeluarkan sebanyak 105,869 surat kebenaran keterlibatan dalam sektor pertanian tidak formal termasuk aktiviti rantaian pembekalan dan pemasaran berkaitan keperluan makanan.

Terdahulu, beliau turut meninjau operasi di loji pemprosesan sarang burung walet PT Swift Marketing Sdn Bhd bagi memastikan operasi loji ini yang terlibat dalam pasaran eksport tidak terganggu dan berterusan sepanjang masa.

Mengenai industri burung walet negara, Ronald berkata sehingga April lepas, jumlah eksport industri ini mencecah 962 tan metrik dengan nilai RM714 juta, menunjukkan eksport komoditi ini kekal kukuh terutamanya di kala negara masih mengharungi penularan pandemik COVID-19.

Pada tahun lepas, jumlah eksportnya adalah 3,640 tan metrik bernilai RM1.385 bilion dan tahun sebelumnya sebanyak 5,654 tan metrik bernilai RM1.154 bilion.

Menurutnya, sehingga tahun ini, sebanyak 41 loji telah diluluskan Pihak Berkuasa Negara China iaitu 38 loji sarang burung walet bersih (EBN-RC) dan tiga buah loji sarang burung walet belum bersih (EBN-RUC).

Bagi memenuhi protokol eksport sarang burung walet ke negara China, katanya Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah mengakreditasi dan memberi pentauliahan persijilan Veterinary Health Mark (VHM) kepada 30 loji pemprosesan dan 44 lagi bagi persijilan Amalan Kebersihan Veterinar Yang Baik (GVHP).

Sebanyak 2,905 buah rumah burung walet telah berjaya mendapat pensijilan Amalan Pertanian Baik (myGAP).

-- BERNAMA

30/6/2021

KOSMO

NEGARA

6

## MAFI komited bantu pekebun nanas dalam tempoh PKP

**MUAR** – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) komited membantu pekebun nanas untuk meningkatkan hasil jualan mereka meskipun negara ketika ini berhadapan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Klandee berkata, menerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), sebanyak 1,000 surat kebenaran pergerakan telah dikeluarkan bagi membolehkan kumpulan ini melaksanakan pelbagai aktiviti pertanian.

"Surat kebenaran pergerakan dikeluarkan untuk memudahkan pengusaha dan pekebun nanas menjalankan aktiviti pertanian, pemasaran dan pemprosesan.

"Walaupun terdapat sedikit masalah pasaran oleh pekebun ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 ini, ia masih lagi terkawal dengan bantuan dan sokongan daripada pihak LPNM," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas mengadakan lawatan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Kompleks Sukan Pagoh di sini bersempena program MAFI Prihatin.

Hadir sama, Timbalan Menteri MAFI I, Datuk Seri Ahmad Hamzah, Timbalan Menteri MAFI II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi dan Pengerusi LPNM merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bukit Kepong, Datuk Dr.



**RONALD (berdiri, dua dari kiri) bergambar bersama penēfirma vaksin di PPV Pagoh. Kompleks Sukan Pagoh, Muar semalam.**

Sahrudin Jamal.

Tambah Ronald, dalam tempoh PKP 3.0 sehingga kini, LPNM telah membantu menyediakan keperluan logistik bagi penghantaran dan pemasaran buah nanas oleh pekebun terjejas kepada peraih dan pemborong.

"Bagi tempoh hampir sebulan ini, sebanyak 22 tan buah nanas dipasarkan LPNM, sekali gus memberikan kelegaan kepada pekebun terjejas demi memastikan hasil buah mereka terjual

seperti biasa.

"PKP 3.0 menunjukkan penurunan ketara masalah ketidakboleh pasaran oleh pekebun berbanding PKP sebelum ini.

"Ia berikutan keprihatinan kerajaan dalam memastikan pekebun dan pengusaha dapat memasarkan hasil-hasil pertanian mereka melalui pelaksanaan prosedur operasi standard (SOP) yang mengimbangi antara keperluan ekonomi dan kesihatan rakyat," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/6/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6

# Pemulih komited majukan pertanian

**PETALING JAYA:** Program pembiayaan mikrokredit yang diteruskan di bawah Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (Pemulih) dengan tambahan dana RM500 juta di bawah Skim Pembiayaan Mikrokredit Agrobank merupakan bukti kerajaan komited dalam mengutamakan kesejahteraan dan kebajikan rakyat serta memulihkan semula ekonomi negara.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang berkata, langkah itu menjadikan jumlah keseluruhan skim tersebut sebanyak RM850 juta termasuk peruntukan RM350 juta sebelum ini di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) yang disediakan sebagai bantuan kewangan kepada usahawan mikro terutama pengusaha agromakanan di bawah kategori B40 yang terlibat dengan aktiviti pertanian dan pengeluaran makanan.

“Skim ini boleh digunakan untuk mendapatkan semula modal pusingan memulakan kembali perniagaan yang terjejas serta sebagai modal permulaan kepada usahawan baru yang ingin menceburi bidang agromakanan,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, pakej itu turut mendukung inisiatif

memperkasa usahawan tani khususnya di luar bandar untuk menggunakan teknologi terkini di bawah Program Digitalisasi dan Transformasi Sektor Pertanian.

“Program ini yang akan dilaksanakan melalui kerjasama pelbagai agensi berkaitan akan mengenal pasti petani yang berpotensi untuk beralih ke platform teknologi baharu,” katanya.

Tambah beliau, kempen *Shop Malaysia Online* dan *Go-eCommerce Onboarding* dengan sasaran lebih 300,000 peniaga mikro termasuk peniaga pasar tani untuk beralih ke perniagaan dalam talian dan menggunakan sistem e-tunai juga diteruskan.

Katanya, inisiatif itu akan terus menggalakkan penyertaan pengusaha agromakanan ke platform dalam talian yang efektif bagi menembusi pasaran yang lebih luas seperti mana yang sedang dilaksanakan kempen sejak awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Terdahulu, beliau menyampaiakan sumbangan kotak makanan di bawah program MAFI Prihatin menerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) kepada 1,000 penduduk terjejas di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Kompleks Sukan Pagoh, Muar Johor.

30/6/2021

KOSMO

NEGARA

12

## PGA rampas 20 lembu korban baka Brahman bernilai RM252,000

**PASIR MAS** – Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 7 merampas sebanyak 20 ekor lembu baka Brahman yang tiada dokumen perijinan sah selepas menahan sebuah lori di jalan Kampung Repek, di sini kelmarin.

Rampasan bernilai RM252,000 dipercayai untuk dijadikan haiwan sembelihan pada Hari Raya Aidiladha itu dilakukan pada pukul 6.30 petang.

Lembu baka Brahman yang berasal dari India mampu mencapai berat maksimum 800 kilogram (kg) bagi jantan, manakala betina sekitar 500kg.

Pegawai Pemerintah, PGA Batalion 7, Superintendan Azhari Nusi berkata, anggota PGA telah meminta pemandu lori tersebut untuk mengemukakan dokumen berkaitan permit perjalanan lembu tersebut.

Katanya, bagaimanapun, dokumen yang diberikan oleh lelaki berkenaan agak meragukan kerana tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

"Siasatan awal mendapati, lembu-lembu tersebut diambil dari kandang di kawasan Tumpat dan akan dihantar ke Selangor.

"Pemandu bersama kelindan

lori masing-masing berusia 47 dan 57 tahun ditahan bagi membantu siasatan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Azahari memberitahu, PGA Batalion 7 akan terus memperketatkan kawalan dalam usaha membendung penyakit lembu lumpy skin disease (LSD) di negeri ini.

Katanya, pemeriksaan keretaan yang membawa muatan haiwan ternakan akan diperiksa secara teliti tanpa sebarang kompromi.

Kes disiasat mengikut Seksyen 36 (1) Akta Binatang 1953.



**SEBAHAGIAN** lembu baka Brahman yang dirampas PGA selepas menahan sebuah lori di Kampung Repek, Pasir Mas kelmarin. – IHSAN PGA BATALION 7

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/6/2021	HARIAN METRO	LOKAL	16

## Gagal seludup 20 lembu baka Brahman

**Pasir Mas:** Cubaan dua individu membuat penghantaran 20 lembu jantan baka Brahman bernilai RM252,000 dipercayai diseludup menggunakan sebuah lori gagal apabila ditahan di Jalan Kampung Repek, di sini, kelmarin.

Serbuan dilakukan jam 6.30 petang oleh sepasukan anggota Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA7) yang melakukan rondaan selepas melihat sebuah lori dalam keadaan mencurigakan.

Pegawai Pemerintah PGA7, Superintendan Azhari Nusi berkata, anggotanya menahan lori berkenaan serta dua lelaki berusia 47 dan 57 tahun untuk pemeriksaan, namun tidak menemui barangan salah.

"Pemeriksaan ke atas lori menemui semua lembu jantan baka Brahman ini dan pemandu lori diminta mengemukakan dokumen



LORI membawa 20 lembu jantan baka Brahman yang ditahan di Jalan Kampung Repek, Pasir Mas.

serta permit perjalanan bagi membawa ternakan berkenaan.

"Berdasarkan dokumen terbabit, terdapat keraguan yang dikenal pasti apabila tiada dinyatakan nombor seal, selain tidak mengikut spesifikasi ditetapkan.

"Dua lelaki terbabit dita-

han, manakala semua ternakan dan lori dirampas untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan, semalam.

Azhari berkata, kes berkenaan diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Kelantan untuk siasatan lanjut mengikut

Sekyen 36 (1) Akta Binatang

1953.

"Siasatan siasatan awal mendapati semua lembu diambil dari sebuah kandang di Tumpat dan dibawa menggunakan lori ke Selangor untuk dipasarkan.

"PGA7 sentiasa memastikan penyeludupan lembu tidak terlepas begitu sahaja, terutama ketika isu lembu yang dijangkiti penyakit *Lumpy Skin Disease (LSD)*," katanya.

Lembu diambil di Tumpat untuk dihantar ke Selangor

Headline	Two foreign fishing boats, 13 Vietnamese detained off Miri		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	30 Jun 2021	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	9	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	276 cm <sup>2</sup>
Journalist	Jenifer Laeng	AdValue	RM 3,764
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 11,291



Seven of the 13 Vietnamese crew members detained for illegal fishing off Miri waters yesterday.

# Two foreign fishing boats, 13 Vietnamese detained off Miri

Jenifer Laeng

**MIRI:** The Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) detained two foreign fishing boats and 13 Vietnamese for encroachment and illegal fishing in Malaysian waters.

Miri MMEA head Captain Md Fauzi Othman in a statement yesterday said the two boats were detained at about 39 nautical miles from Miri at 1.01pm Monday.

"Two out of six illegal foreign fishing boats were spotted at the location by the patrol team who were carrying out their routine patrol at the area.

"As soon as they realised that there was an enforcement team at the area, they tried to escape and released their fishing equipment into the waters to dispose of the evidence," said Md Fauzi.

Two out of six illegal foreign fishing boats were spotted at the location by the patrol team who were carrying out their routine patrol at the area.

Md Fauzi Othman

He added that after about 30 minutes chase, the MMEA patrol team managed to detain the two boats.

"Checks conducted on the two boats found 13 Vietnamese crew members aged between 22 and 46. None of them had any identification documents and documents from the Fisheries Department to carry out fishing activities."

Md Fauzi said all detained crew members were escorted to the MMEA Miri Zone Vessel Detention Centre Jetty for further investigation.

"The case will be investigated

under the Fisheries Act 1985 for carrying out fishing activities in Malaysian waters without a valid permit and Immigration Act 1959/63," said Md. Fauzi.

All the detained fishermen were brought to court yesterday and remanded for 14 days to facilitate investigation.

For complaints and information on any suspicious activities at sea, the public is advised to call Miri Maritime Zone Operations Centre at 085-418204 or Sarawak Maritime Operations Centre at 082-432544 or MERS 999 which operates 24 hours.

Headline	Malaysia Pineapple Industrial Board issued 1000 approval letters		
MediaTitle	China Press (Johor)		
Date	30 Jun 2021	Color	Full Color
Section	News	Circulation	19,804
Page No	C2	Readership	59,412
Language	Chinese	ArticleSize	187 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,550
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,650



## 大馬黃梨工業局 發1000張批准信

(麻坡29日讯) 农业与食品业部长拿督斯里罗南建迪指出，黄梨销售市场与运输链未有受全国封锁影响，本月初至今的销售量创达22吨。

他指出，为了确保黄梨业者能够如常进行黄梨种农活动，及把农产品或黄梨产品推销至市场，大马黄梨工业局总共发出1000张批准信给业者，以方便他们跨县或跨州进行相关推销或农业活动。

罗南建迪今日巡视巴莪疫苗接种中心及颁发物资给贫困家庭与志工后指出，由于疫情造成行动受限，许多黄梨业者获得当局的批准信，得以把黄梨推销至市场，松了一口气。

他说，除了农民，当局也批准信函给黄梨相关产品业者，以进行黄梨种植、销售及生产等。

他补充，大马黄梨工业局也在这期间提供业者运

输服务，确保来自农民的收成能顺利售出，或输送至各批发站或零售市场。

### 協助農民推銷黃梨

他坦承，全国封锁对黄梨市场带来一定的冲击，但当局致力协助业者销售黄梨，同时给各方面援助，为此黄梨市场没有受

到深重影响。

他提到，政府积极推动鼓励人民吃黄梨运动，除了协助农民推销黄梨，也希望国人在疫期时间更要重视健康饮食，尤其多吃拥有丰富营养的黄梨。

罗南建迪也在该部第一副部长拿督斯里阿末韩查、第二副部长阿都拉及土团党武吉哈逢州议员拿督沙鲁丁嘉马的陪同下，颁发1000份物资给巴莪贫困人士，及在疫苗接种中心服务的前线人员与志工。



■沙鲁丁嘉马（站者前排右起）和罗南建迪及嘉宾，与疫苗接种人士交流。



Headline	Sembur racun hapus serangga rosak padi		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	30 Jun 2021	Color	Black/white
Section	News	Circulation	250,000
Page No	8	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	111 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,093
Frequency	Weekly	PR Value	RM 3,279



## Sembur racun hapus serangga rosak padi

**SHAH ALAM** - Lebih 600 daripada 6,632.4 hektar kawasan tanaman padi di Sabak Bernam yang diserang serangga perosak sudah disembur racun setakat ini.

EXCO pertanian berkata proses semburan racun disyor pakar kawalan penyakit ulat pengorek batang dan ulat gulung daun di kawasan terbabit dilaksana secara berperingkat bermula dua minggu lalu.

"Saya sendiri melakukan lawatan baru-baru ini untuk melihat kerja kawalan bersepadu itu dijalankan. Segalanya berjalan lancar dan dijangka selesai sepenuhnya akhir tahun ini," kata Ir Izham Hashim pada 22 Jun.

Beliau turut meminta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyalurkan bantuan menerusi Tabung Bencana Tanaman Padi kepada pesawah yang mengalami kerugian ekoran masalah terbabit.

Pada 1 Jun lalu, Kerajaan Negeri meluluskan dana berjumlah RM1.035 juta untuk membasmi serangga perosak padi di kawasan terlibat.

Susulan itu, MAFI mengambil beberapa langkah termasuk menggunakan racun untuk kawalan yang dilakukan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri di Panchang Bedena dan Bagan Terap / Sungai Panjang.

# Durian dihantar ke Terengganu

Usaha PPK Ayer Baloi pasar raja buah itu menerusi Facebook dapat sambutan

Oleh NOR AZURA MD AMIN

PONTIAN

Sebanyak dua tan metrik durian kampung, musang king dan D13 dari daerah ini akan dihantar ke Kemaman Terengganu minggu hadapan.

Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Ayer Baloi, Noriman Sewito berkata, tempahan raja buah itu merupakan yang terbesar pernah diterima sejak durian mula gugur pada awal Jun ini.

Katanya, usaha PPK Ayer

Baloi memasarkan durian menerusi Facebook mendapat sambutan di negeri berkenaan.

"Mungkin ramai tidak tahu lokasi Ayer Baloi yang merupakan sebuah pekan kecil yang mempunyai banyak kampung dan mengeluarkan hasil pertanian seperti durian.

"Penggunaan laman sosial seperti Facebook banyak membantu memasarkan hasil pertanian walaupun masih dalam tempoh Sekatan Pergerakan Penuh.

"Sejak durian mula gugur awal bulan ini, lebih lima tan durian pelbagai jenis dijual dengan mengantar hasil durian ke pada pembeli di sekitar Johor Bahru dan Pasir Gudang," katanya ketika ditemui pada Selasa.

Noriman berkata, harga durian kampung serendah RM9 sekilogram menjadi tarikan jualan raja buah itu selain turut me-



Noriman (kanan) menunjukkan durian yang dijual di Peladang Outlet Kampung Parit Panjang Ayer Baloi, Pontian.



Isi durian segar yang dijual turut mendapat permintaan tinggi pembeli.

nawarkan jualan isinya dengan harga serendah RM10.

"Bekalan durian tidak pernah putus dan kami dapat memenuhi permintaan pelanggan. Pelanggan tidak perlu khuatir untuk rentas negeri atau daerah kerana tempahan boleh dilakukan menerusi Facebook kami," katanya.

Dalam pada itu, Noriman memberitahu, bukan sahaja pekebun durian, tetapi petani turut dibantu memasarkan hasil pertanian mereka ketika tempoh Sekatan Pergerakan Penuh.

"Pusat pemasaran Peladang Outlet sentiasa dibuka bagi membantu petani memasarkan hasil pertanian," katanya.

MENDEPANI KRISIS  
**COVID-19:**  
 APA TINDAKAN  
**KITA?**

# Jabatan Laut setuju wujud zon nelayan, kapal

Oleh AMRAN MULUP

utusannews@mediamula.com.my

**MELAKA:** Jabatan Laut bersetuju dengan cadangan kerajaan negeri untuk mewujudkan zon nelayan dan zon kapal dalam usaha menyelesaikan masalah kapal bersaiz yang menutup laluan menangkap ikan buat 300 nelayan di sekitar Melaka.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Wilayah Tengahnya, Baharuddin Zakaria berkata, langkah yang dicadangkan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Datuk Norhizam Hassan Baktee itu adalah langkah yang tepat.

Katanya, cadangan tersebut perlu dilaksanakan segera memandangkan kerajaan negeri telah bercadang untuk mewujudkan industri perkapalan dan pelabuhan dari Kuala Linggi hingga Merlimau.

"Jika masalah nelayan ini tidak diselesaikan segera akan wujud satu lagi konflik baharu apabila projek yang dicadangkan oleh kerajaan negeri itu mula dilaksanakan nanti.

"Dalam perancangan itu, akan berlaku penambakan laut di perairan Melaka iaitu melibatkan kawasan sejauh 1.5 batu nautika dari daratan asal.



**KOMUNITI** nelayan Kampung Hailam di Tanjung Kling hilang punca pencarian sumber rezeki yang dipercayai akibat kapal-kapal yang berlabuh di perairan Selat Melaka. - UTUSAN/RASUL AZLI SAMAD

"Setiap aktiviti penambakan laut dan pembinaan pelabuhan, golongan nelayan yang terjejas wajar mendapat sumbangan sugu hati melalui kerajaan negeri," katanya.

*Utusan Malaysia* pada Isnin lalu melaporkan, isu kapal bersaiz di perairan Selat Melaka dari Pantai Puteri hingga ke Masjid Selat di Pulau Melaka telah menyekat punca rezeki

kira-kira 300 nelayan. Perkara tersebut bukan masalah baharu tetapi sudah berlarutan lebih 10 tahun.

Kumpulan nelayan yang terjejas adalah dari Pantai Puteri, Kampung Balik Bukit, Kampung Hailam, Lereh dan Klebang.

Mengulas lanjut, Baharudin berkata, beliau tidak menolakan timbul masalah baharu antara aktiviti perikanan

dengan industri perkapalan, kesan daripada projek yang akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri tidak lama lagi.

"Apabila industri perkapalan dan pelabuhan mula dibina, nelayan pesisir pantai terpaksa menangkap ikan lebih daripada kawasan sebelum ini. Bagi Jabatan Laut usaha mewujudkan zon nelayan dan zon kapal wajar dilaksanakan segera," ujarnya.